

PERSPEKTIF LANDSKAP

Hutan konkrit Mesra Alam

PJ Trade Centre bangunan peneraju landskap masa hadapan.

Penulis: ROHAYU MAT ISA • Fotografi: JASMI BABA
Pengiraan: MS. Janie Cheng dan Cik Nik Aida Yanty dari Jabatan Jualan dan Pemasaran
(Tujuan Gemilang Sdn. Bhd.) serta Encik Yap dari Jabatan Pengurusan Bangunan PJ Trade Centre.

Seterusnya penulis meniti anak-anak tangga menuju ke ruang hijau yang didakap menara milik syarikat-syarikat terkemuka ini. Penulis melihat pokok-pokok disusun selari dan sebaris memberikan pandangan lapang yang amat menyenangkan. Penulis dapat rasakan pereka cuba mengurangkan kekusutan yang dialami oleh para pekerja setelah seharian memerah otak dengan susun atur tumbuhan yang tidak menyakkan. Hamparan kehijauan daripada rumput disertakan batuan kerikil menjadi penyambung kepada ruang santai dan bangunan.

Pereka juga melawan kontra landskap horizontal dari rumput dengan barisan landskap vertikal *Koompassia excelsa*, *Pterocarpus indicus* dan *Tristaniaopsis merguensi*. Kehijauan yang menyerlah daripada deretan pokok-pokok separa matang ini benar-benar meredupkan suasana dan melembutkan landskap kaku dari bangunan. Selain memberi kesan *silhouette*, ruang lapang antara batang-batang pokok menjadi saluran kepada angin bertiup sepoi-sepoi bahasa.

Permainan warna panas dan sejuk benar-benar menjadi pada pendapat penulis. Merah bata dan hijau daun memberikan impak kontra dan terapi warna yang baik kepada pengunjung. Seterusnya, di sebalik batang lurus pokok angsa, tualang dan pelawan terdapat pokok renek yang ditanam di dalam *wire mash*. Kebiasaannya, *wire mash* diaplikasikan untuk tumbuhan pagaran dan memanjat, tetapi kali ini pereka bijak menjadikan ia dwifungsi. Daripada segi estetika, tumbuhan renek ini nampak seperti dipangkas. Manakala daripada segi praktiknya, ia bertujuan dijadikan tempat duduk dan juga bertujuan membentuk tumbuhan tersebut.

Untuk menikmati suasana sebenar di sini, penulis berehat sebentar di bangku yang disediakan. Bangku ini kelihatan ringkas namun ia sebenarnya satu reka bentuk yang unik. Lapisan atas diperbuat daripada besi dilikat bersama konkrit merupakan satu kombinasi menarik yang jarang digunakan. Ia direka berongga supaya dapat mengurangkan kepanasan. Pasti pembaca pun tidak mahu duduk di situ jika ia panas bukan?





Gambar atas kanan: Sudut pandangan daripada tingkat atas membawa kesinambungan landskap dari luar ke dalam bangunan menyegarkan pandangan dan jiwa staf yang bertugas.

Gambar bawah: Lorong utiliti tidak diabaikan. Warna sejuk daun memecah kepanasan yang dicetuskan dinding merah. Batuan kerikil membataskan ruang formal dan tidak formal lapangan.

Raguh. Inilah perkataan pertama yang menerpa ke benak fikiran penulis kali pertama menjejakkan kaki ke dalam kawasan PJ Trade Centre ini. Sudah lama penulis menyimpan hasrat berkunjung ke bangunan yang menjadi kebanggaan warga Bandaraya Petaling Jaya ini. Manakan tidak, ia telah menerima Anugerah Cemerlang untuk kategori Pemaju dalam Perancangan dan Pembangunan Landskap pada tahun 2010 melalui **Malaysia Landscape Architecture Awards** (MLAA) anjuran Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM). Bagi sesetengah individu mungkin seni bina landskap di sini kurang menyerlah dan kelihatan sangat sederhana. Tetapi, pendapat penulis pula berbeza. Masyarakat sering mengaitkan taman dengan halaman dan ruang di atas tanah sahaja. Namun, seiring dengan perkembangan teknologi dan zaman globalisasi, tiada yang mustahil untuk memiliki sebuah taman tergantung seperti legenda *Babylon*.

Tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas

Tanggungjawab mewujudkan sebuah bangunan mesra alam ini telah direalisasikan oleh arkitek Kevin Mark Low dari Syarikat Small Projects dan arkitek landskap dari Seksan Design serta kombinasi perunding lampu, papan tanda dan lain-lain. Sebaik melangkah masuk ke ruang meletak kereta di hadapan bangunan, penulis dapat rasakan aura eksklusif yang ingin disampaikan oleh pereka.

Ruang meletak kereta dibina terhad supaya tidak mengganggu konsentrasi pekerja dan mengurangkan pencemaran yang disebabkan oleh kenderaan. Di bawah kotak meletak kereta juga ditanam pokok besar dan ia dibiarkan bercambah dicelah-celah jaring yang ditutup ditingkat atas. Jika tidak diperhatikan betul-betul pasti pengunjung menyangka ia tumbuhan renek. Turapan di sekitarnya juga dilatari dengan bata tanah liat yang menyejukkan suasana. Idea menggunakan bata merah ini tercetus apabila pereka mahukan material yang digunakan dalam reka bentuk fasad bangunan dan keseluruhan laluan pejalan kaki ialah buatan Malaysia. Bagi pendapat penulis, ini langkah terbaik bagi memperkenalkannya produk buatan Malaysia dan penyerapan elemen *native* itu sendiri mengurangkan kos dan risiko kepada kegagalan dalam sesuatu reka bentuk.





Gambar atas kiri: Ruang menunggu lebih lapang dan ringkas memberi masa yang secukupnya untuk menikmati setiap inci ruang landskap tanpa anda batasan pandangan.

Gambar bawah kiri: Jernih dinding berkaca mencetuskan panorama 'borrowed landscape' buat penghuni bangunan memberikan kesegaran yang tidak berkesudahan.

Gambar bawah kanan: Kehijauan tidak bernoktah di luar bangunan, juga ditarik masuk ke dalam mewujudkan sudut relaks lebih kasual. Menjadi sudut kegemaran untuk perbincangan antara klien serta pengunjung bersantai.



Nampaknya pereka menitikberatkan pengguna dalam reka bentuknya. Kebetulan ketika penggambaran dilakukan, sebuah majlis perkahwinan telah diadakan. Pada pendapat penulis majlis ini diadakan di sini kerana suasana yang sunyi dan tenang. Manakan tidak, cita rasa masa kini inginkan sesuatu yang ringkas tetapi praktikal. Penulis perhatikan, tetamu majlis juga tidak berasa curiga untuk membiarkan anak-anak mereka bermain jauh. Ini kerana, corak susunan dan pemilihan pokok memberikan kelebihan dari sudut keselamatan kerana pengunjung dapat menyelia aktiviti anak-anak dari jauh.

Setelah puas mencuci mata dan menghirup udara segar, pengembaraan

penulis diteruskan ke dalam ruang bangunan. Dari jauh penulis sudah perhatikan kelainan yang jarang-jarang ditemui. Diruang hadapan, pintu pivot dibina dengan kaca supaya kesegaran hijau dari luar dapat dinikmati dari dalam bangunan. Malah di dalam bangunan juga disertakan beberapa batang pokok bagi membekalkan oksigen dan udara segar.

Sememangnya pemaju Tujuan Gemilang Sdn. Bhd. layak menerima anugerah cemerlang dengan reka bentuk mesra alam ini. Ia membuatkan pekerja sentiasa bersemangat untuk bekerja. Jarang sekali penulis dapat melihat arkitek dan pemaju yang menekankan elemen landskap dalam binaan bangunan

mereka. Struktur bangunan juga tidak diabaikan dengan elemen semula jadi.

Nampaknya, pereka bersungguh-sungguh mahu pekerja mengamalkan gaya hidup sihat dengan mengaplikasikan tangga berbanding eskalator untuk bergerak daripada tingkat bawah ke tingkat satu. Namun, lif juga disediakan bagi kegunaan golongan orang kelainan upaya serta insan tidak berdaya. Anak-anak tangga ditutupi dengan lapisan kayu supaya dapat mengurangkan pencemaran bunyi di samping tujuan asal iaitu menggunakan material tahan lama dan tidak mencemarkan alam. Reka bentuk mungkin agak kebaratan tetapi sebenarnya ia memberi banyak manfaat kepada pengguna.

Songket warisan berzaman



Sebaik sampai di tingkat satu, penulis melihat ke bawah dan apa yang penulis nampak ialah gugusan kehijauan yang bukan sahaja menyejukkan mata malah fikiran penulis terasa lapang dan tenang. Kehijauan itu 'naik' apabila berlatarbelakangkan warna kelabu batu kerikil. Selain mencipta kelainan daripada segi penggunaan bahan, batuan kecil ini juga berfungsi sebagai agen pengurang jumlah air larian permukaan.

Ia ialah salah satu kaedah reka bentuk mampan yang dapat mengurangkan kadar hakisan dan banjir di kawasan ini. Nah, apa lagi yang tidak lengkap dalam kawasan ini? Semua aspek dititikberatkan. Daripada segi alam semula jadi, keperluan pengguna dan penjagaan alam sekitar. Seterusnya penulis singgah di ruang santai di tengah-tengah blok menara. Ia merupakan titik tumpu bagi reka bentuk bangunan ini.

Menurut Pengurus Jualan dan Pemasaran Syarikat Tujuan Gemilang Sdn. Bhd., Cik Janie Cheng, ruang ini digunakan oleh pekerja, klien atau sesiapa sahaja yang berkunjung ke sini sebagai tempat berborak, berbincang dan melepaskan tekanan. Ruang ini terbuka kepada orang awam. Tetapi, jaga-jaga. Jangan sesekali pandang ke bawah semasa menuju ke balkoni. Bimbang insan *acrophobia* seperti penulis akan merasa gayat. Ini kerana, reka bentuk lantai adalah berlubang-lubang bertujuan untuk peredaran udara secara semula jadi.

Ia dicipta sebegitu bagi mengurangkan penggunaan tenaga dari pendingin udara dan kipas di dalam bangunan. Manakala, di bahagian atas balkoni ini juga dipenuhi tumbuhan menjalar untuk memberikan impak hutan semula jadi. Kebiasaannya tumbuhan menjalar dibiarkan memanjat dinding tetapi kali ini ia dibiarkan tergantung. Penulis dapat rasakan seolah-olah berada di hutan hujan tropika.

Berdasarkan pembacaan penulis, bangunan ini dibina berasaskan konsep songket dan kain sarong yang mana ia dicipta sejak zaman dahulu dan masih kekal digunakan sehingga sekarang. Proses penenunan kain songket dan sarong menjadi inspirasi kepada pereka. Begitu juga reka bentuk bangunan ini, pereka mahu ia kekal serta mampu bertahan seperti tradisi menenun dan memakai kain songket serta sarong. Apa yang menarik lagi mengenai PJ Trade Centre ini ialah dinding luarnya menggunakan *pre-cast grid wall* yang mana terdapat lompong-lompong yang membolehkan udara dan cahaya matahari menembusinya.





Gambar ini: Perkongsian ruang luar dan dalam bangunan menceritakan keakraban seni bina dan landskap yang menghasilkan satu kombinasi seni menakjubkan.



Penulis perhatikan dinding siap bina ini terdapat tumbuhan menjalar. Pereka tidak mengabaikan kewujudan lumut dan rumpai dalam reka bentuknya. Dengan suhu negara yang panas dan lembap, lumut, rumpai serta tumbuhan memanjat sentiasa mencari ruang untuk meneruskan kelangsungan hidup. Jadi dengan ciptaan dinding bergrid ini, ia bebas mencari kehidupan dan menjalin dedaunan dicelah-celahnya. Inilah yang cuba diketengahkan oleh pereka iaitu mengadaptasikan reka bentuk barat dalam iklim tropika tanpa mengabaikan situasi sebenar.

Jika diperhatikan, ia juga satu simbolik kepada kain sarong dan songket yang mana satu persatu benang ditenun atau dijalin menjadi hamparan sehelai kain yang selesa dipakai dan cantik.

Bukan itu sahaja, reka bentuk ruang persendirian, tandas dan tempat meletak kereta juga dititik beratkan. Bagi menambah, kesinambungan peredaran udara, syiling tandas dibina tinggi dan ruang meletak kereta disertakan dengan sudut hijau. Di sudut tangga pusat gimnasium CHI pula terdapat tumbuhan menjalar yang segar merimbun. Penulis merasa seperti di luar negara apabila berada di sudut ini.

Selain itu terdapat sudut taman yang mengetengahkan konsep **zen** dan **rock garden** yang mana taman kecil ini hanya dapat dinikmati dari luar tetapi tidak dapat diakses oleh pengguna. Keistimewaannya terletak pada penggunaan jenis tumbuhan iaitu tumbuhan **native** dalam jumlah yang sedikit. Ini bagi mengurangkan perebutan dalam mencari sumber makanan dan matahari. Kaedah ini bagus kerana dapat mengelakkan pokok daripada terbantut dan **survive** dalam ruang yang terhad.

Terdapat juga pondok kecil dan mangkuk takungan buatan batu yang disediakan untuk burung kecil atau haiwan lain singgah melepaskan lelah. Ruang terbuka ini memberi ruang kepada pengudaraan serta pandangan luas terhadap langit nan membiru.

Benar kata Janie Cheng, sesiapa yang berkhidmat di sini pasti merasai kesinambungan dunia luar di dalam pejabat.

Kehijauan itu meresap ke dalam bangunan sehingga tidak terasa seperti berada di ruang lingkup konkrit. Penjelajahan penulis berakhir di ruang santai milik syarikat persendirian. Ruang ini hanya dikhususkan untuk kegunaan pemilik dan klien yang berurusan dengan mereka sahaja. Reka bentuk landskap tidak kurang berbeza dengan ruang di balkoni dan taman awam.

Sense of place

Sesuatu yang terbaik pasti ada kekurangannya. Tidak ada benda yang sempurna di dunia ini melainkan ciptaan-Nya. Penulis berbangga dengan hasil rekaan pereka tempatan ini, namun ada sesuatu yang dirasakan kurang di sini. **Sense of place**. Penulis kurang mengalami perasaan keaslian seperti berada di tanah air sendiri ketika berada di tempat ini. Mungkin ini hanya pandangan kecil daripada penulis yang serba kekurangan dan pada pandangan orang lain mungkin ia berbeza.

Malah maksud **sense of place** itu sendiri tidak mempunyai definisi yang tetap dan bergantung pada pemberi pandangan. Jadi, ini hanya ngomelan kecil daripada penulis. Mungkin penulis selalu melihat dan meneliti reka bentuk taman-taman tropika yang biasa diamalkan sehingga tenggelam dalam suasana tropika itu sendiri. Walau apa pun, yang penting dalam setiap perancangan pembangunan yang dilakukan perlulah mengambil kira faktor alam sekitar, pengguna dan memelihara serta memulihara alam semula jadi. PJ Trade Centre ini hampir sempurna di mata penulis dan ia sentiasa menjadi kebanggaan sementara pihak pemaju telah mara ke hadapan dalam membawa seni bina landskap Malaysia ke arah yang lebih hadapan.